



KENYATAAN MEDIA

PELANTIKAN TUAN ADI FAIZAL BIN AHMAD TARMIZI SEBAGAI TYDP MPS BAHARU

Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi telah dilantik sebagai Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Yang Baharu berkuatkuasa pada 1 Mac 2023. Pelantikan beliau ini adalah bagi menggantikan Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman yang telah dilantik sebagai Timbalan Datuk Bandar Shah Alam yang baharu pada 9 Januari 2023 yang lalu.

Majlis angkat sumpah terima jawatan telah diadakan di hadapan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang, Dato' Mohd Yazid Bin Sairi di Menara MPS pada Khamis, 2 Mac 2023.

Tuan Adi Faizal merupakan Pegawai Tadbir dan Diplomatik berkelulusan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari Asia E Universiti selain Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Pemasaran) dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) serta memiliki Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Diploma Analisa Pelaburan dari Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Tuan Adi Faizal yang telah menyertai perkhidmatan awam sejak tahun 2006 mempunyai pengalaman luas dan pernah bertugas di beberapa kementerian dan agensi kerajaan, antaranya sebagai Ketua Unit Parlimen dan Kawalan Pemantauan Kementerian Kewangan Malaysia pada 2020 sehingga 2023, Pengarah Eksekutif Majlis Sukan Negeri Selangor pada tahun 2019 dan Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang pada 2016 sehingga 2019.

Seluruh warga MPS mengucapkan tahniah dan selamat bertugas kepada Tuan Adi Faizal dan berharap dengan pengalaman beliau miliki dapat membantu MPS menjadi sebuah PBT yang cemerlang di Negeri Selangor.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh :

AHMAD FAUZI BIN ISHAK
Timbalan Pengarah
Jabatan Korporat

b./p **Yang Dipertua**
Majlis Perbandaran Selayang

03-6126 5800/019- 280 7788

Tarikh dikeluarkan : 2 Mac 2023

BIODATA TUAN ADI FAIZAL BIN AHMAD TARMIZI

Nama : Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi

Umur : 48 Tahun

Pendidikan : **Diploma**

- I. Diploma Analisa Pelaburan
- II. Diploma Pentadbiran Awam

Ijazah Sarjana - Universiti Teknologi Mara (UiTM)

- I. Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan (Pemasaran)

Sarjana - Asia E Universiti

- II. Sarjana Pentadbiran Perniagaan

Status : Berkahwin

Pengalaman Kerja : **2020 – 2023**

Ketua Unit Parlimen dan Kawalan Pemantauan
Kementerian Kewangan Malaysia

2019 – 2020

Pengarah Eksekutif
Majlis Sukan Negeri Selangor

2016 – 2019

Timbalan Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Klang

2014 – 2016

Ketua Penolong Pengarah
Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor

2006 – 2014

Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan (KPKT)
Pejabat Daerah dan Tanah Petaling